

Qalam

KDN 186

144, Şafar 1382, Julai 1962, 60 Sen

Undang-undang Kahwin di Singapura

dan Majlis Penasihat Islam Kerajaan

Di dalam rencana ruangan ini pada bulan April 1961, kita telah menulis perihal undang-undang perkahwinan yang dijalankan di Singapura mengenai dengan hukum seorang suami yang ada isteri tatkala hendak berkahwin lagi mestilah meminta izin atau mesti mendapat persetujuan daripada isteri yang ada.

Di dalam rencana ini pula dinyatakan lama sebelum kejadian itu Peguam Agung kerajaan Singapura telah meminta fikiran kepada Majlis Islam Penasihat Kerajaan dan kepada *Jamiyah al-Da'wah al-Islamiyyah* di dalam cadangannya untuk meminda suatu undang-undang mengenai orang-orang Islam yang hendak kahwin lebih daripada satu, di antaranya kesanggupan seorang suami untuk memberi nafkah kepada isterinya hendaklah diperiksa dan tiap-tiap yang hendak berkahwin itu hendaklah terlebih dahulu meminta izin kepada isterinya yang ada.

Di sana disebut juga bahawa Majlis Islam Penasihat Kerajaan Singapura telah menolak perkara seorang suami yang hendak berkahwin lagi meminta izin kepada isterinya; sedang *Jamiyah* menyerahkan perkara itu kepada suatu jawatankuasa kecil terdiri dari lima orang-orang ulama untuk mengkaji perkara itu, tetapi

belum pun sempat perkara itu dirundingkan oleh

Jamiyah, Peguam Agung telah menarik surat itu daripada dibahaskan.

Di sana juga kita menulis, menyatakan bahawa pada tahun 1960 rupanya, perkara yang dibantah oleh Majlis Islam itu lalu dikuatkuasakan untuk dilaksanakan terbukti daripada apa yang terjadi.

Apabila perkara itu jadi ribut, maka Peguam Agung kerajaan Singapura, di dalam kenyataannya di dalam akhbar pada bulan April itu juga menafikan ada dilakukan hal-hal seperti itu.

Semenjak daripada setahun lebih itu, umat Islam Singapura terasa akan akibat-akibat undang-undang itu dijalankan terbukti daripada desas-desus umat Islam berperasaan tidak puas hati dengan undang-undang dan hal-hal yang dijalankan oleh Mahkamah Syariah Singapura.

Kalau desas-desus dikemukakan harus kelak akan ada pula penafian yang mengatakan bahawa undang-undang itu tidak dilaksanakan atau dijalankan di Singapura. Hal ini tidak mungkin lagi kerana apa yang berlalu itu sebenarnya telah pun ditulis oleh Peguam Agung itu di dalam kertas kerjanya di dalam Seminar Peguam-peguam Mengenai Hak Wanita Islam yang diadakan di Tokyo baharu-baharu ini. Di sana dengan tegasnya beliau menyatakan bahawa peraturan ini ada dijalankan di Singapura dan Selangor.

Sebagaimana yang disebut bahawa Majlis Islam Penasihat Kerajaan telah pun menolak undang-undang kahwin yang meminta izin atau persetujuan daripada isteri yang ada terlebih dahulu tetapi penolakan Majlis Islam Penasihat Kerajaan itu tidak pun diraikan bahkan peraturan yang mewajibkan seorang suami yang hendak berkahwin lagi itu mestilah meminta izin isterinya yang ada.

Ada banyak perkara-perkara yang dikhabarkan berlaku, dan ada pun kononnya saman-saman atau tuntutan-tuntutan yang telah dibuat ke atas

orang-orang yang tidak memberi kenyataan yang benar atas keadaan dirinya. Perkara ini kita tidak bawa di sini.

Tetapi perkara yang mustahak sekarang ialah mengapa Majlis Penasihat Kerajaan, sebagai sifatnya sebuah badan tempat kerajaan meminta nasihat mengenai perkara-perkara agama hanya memejamkan matanya selama setahun lebih – tidak berani membantah atau menasihati kerajaan supaya hukum-hukum yang dibuat ke atas orang-orang Islam mestilah dipersesuaikan dengan kelulusan syarak – tidak diadakan hukum-hukum yang bertentangan dengan syarak atau hukum-hukum yang dibuat melawan atau menghalang perkara-perkara yang diluluskan oleh syarak, atau perkara-perkara yang boleh merampas hak-hak yang diluluskan oleh Tuhan atau diberi oleh Tuhan kepada mereka.

Di dalam soal-soal seperti ini, tidaklah seyogianya Majlis Islam Penasihat Kerajaan mendiamkan dirinya kerana sekiranya orang-orang awam tahu akan hal ini tentunya kelak akan menarik atau boleh menimbulkan kemarahan mereka.

Kitab-kitab atau Buku-buku Agama

Kekurangan kitab-kitab agama di dalam bahasa Melayu masa ini terasa benar. Dalam seminar yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya, hal ini telah nampak. Hajat kepada buku-buku agama yang baik dan lengkap, daripada semua hal, terutamanya mengenai hukum-hukum fikah, sangat terasa kurangnya kerana sekalipun kitab-kitab dalam bahasa Melayu mengenai persoalan ini ada tetapi bahasanya adalah sangat-sangat sukar dan mengurangkan kegemaran peminat-peminatnya membacanya terutamanya golongan-golongan yang muda.

Melihat kepada perkembangan penerbit-penerbitnya yang ada sekarang, dan melihat pula kepada kemahuan pemimpin-pemimpin melaksanakan dasar bahawa agama Islam agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu, maka tentunya kemahuan untuk mengadakan buku-buku

agama itu adalah sangat besar terutamanya daripada golongan ahli agama sendiri.

Ahli-ahli agama, terutamanya angkatan mudanya, menyedari akan kekurangan buku-buku agama sebagai panduan hidup di dalam masyarakat orang Melayu yang beragama Islam. Mereka memandang kerja ini adalah sebagai satu jihad tetapi persoalan yang timbul sekarang bukannya kemahuan atau usaha pada mengadakan buku itu tidak ada tetapi pengarang-pengarang atau penerbit-penerbit tidak terjamin bahawa usahanya itu akan berhasil.

Daripada pengalaman yang ada, maka buku-buku agama yang dicetak sebanyak 3,000 naskhah biasanya tiga empat tahun baharu dapat habis terjual. Dengan keadaan yang seperti ini maka usaha menerbitkan buku-buku atau kitab-kitab agama adalah dengan sendirinya berkurang, dan akhirnya untuk menerbitkan buku-buku agama yang berguna bagi masyarakat itu dibuat sambil-sambilan sahaja – tidak lagi dibuat bersungguh-sungguh.

Dengan kerana kurang mendapat sambutan maka kitab-kitab agama kurang diterbitkan. Jauh sekali daripada adanya penerbit-penerbit yang akan berusaha menerbitkan kitab-kitab agama yang berharga dengan sebab jangkakan modal menerbitkannya balik bahkan kebanyakannya usaha-usaha yang demikian menghadapi kerugian. Kerana itu buku-buku agama yang baik di Tanah Melayu boleh dihitung dengan jari sahaja. Sekalipun ada yang bersedia bekerja, namun memandang kepada keadaan seperti ini usaha umum kepada jalan ini akhirnya menghadapi jalan buntu.

Akibat daripada kejadian ini adalah merugikan umat Islam. Perkembangan Islam tidak dapat meluas dijalankan. Pengertian agama yang luas tidak dapat diterangkan. Dan masyarakat agama akan terus menghadapi kekurangan. Kekurangan itu dengan sendirinya pula merugikan kepada